

# RM5 juta diperuntukkan kepada 50,000 pelajar miskin

Oleh [Asrol Awang](#) - Februari 22, 2022 @ 6:25pm

[bhnew@bh.com.my](mailto:bhnew@bh.com.my)



Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi Pahang, Datuk Seri Mohd Soffi Abd Razak (kanan) menyerahkan Kad Diskaun Pahang Pride Student, kepada Ramlah Ahmad 53, dan anaknya Amsyar Aish Ahmad, 14, sempena Majlis Pelancaran Pahang Pride Student. STR/FARIZUL HAFIZ AWANG

KUANTAN: Kerajaan Pahang memperuntukkan RM5 juta bagi program 'Pahang Pride Student' yang memberikan manfaat kepada 50,000 pelajar kategori miskin dan miskin tegar di negeri ini, tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi Pahang, Datuk Seri Mohd Soffi Abd Razak, berkata setiap pelajar akan menerima set kelengkapan sekolah termasuk beg bernilai RM100.

Katanya, 'Pahang Pride Student' adalah produk kebanggaan Pahang yang dilancarkan kerajaan Pahang tahun ini selepas 'Pahang Pride Kids' dan 'Pahang Pride Kasih'.

"Selain set kelengkapan sekolah, seramai 150,000 ketua isi rumah kategori B40 dan M40 yang membabitkan 238,000 pelajar di Pahang akan menerima kad diskaun.

"Pemberian kad diskaun 20 peratus kepada ketua isi rumah itu untuk pembelian barang persekolahan di MBS Book and Stationaries," katanya kepada media selepas melancarkan 'Pahang Pride Student' di pekarangan MBS World, Jalan Tanah Putih, di sini hari ini.

"Bantuan ini diharap memberi kelegaan kepada ibu bapa, terutama dalam persediaan untuk memulakan sesi persekolahan anak-anak.

"Dalam hal ini, kerajaan negeri amat memahami ramai ibu bapa yang masih terkesan dengan pandemik COVID-19.

"Selain itu sebahagian besar keluarga masih berdepan kerugian akibat bencana besar banjir, baru-baru ini," katanya.

Sementara itu, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Alor Akar, Kuantan Amsyar Aish Ahmad, 14, gembira kerana menerima set kelengkapan sekolah dan kad diskaun daripada kerajaan Pahang.

"Pemberian ini banyak membantu saya, terutama keluarga apabila memasuki sesi persekolahan 2022 pada bulan depan," katanya.